

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN FESTIVAL MAAL HIJRAH**



لِإِمْبَاكْ اِمَاةَ كِبِيَاكِي مَسْجِدِ نَكْرَاوَقْ سَرَاوَقْ
LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN
MASJID NEGERI SARAWAK

GAMBAR
UKURAN
PASSPOT

Borang ini hendaklah ditaip / ditulis dengan jelas dan lengkap

A. MAKLUMAT PESERTA	
NAMA	
NO KAD PENGENALAN	
ALAMAT KEDIAMAN	
ALAMAT SURAT MENYURAT	
NO TEL BIMBIT/ RUMAH	

B. MAKLUMAT PEKERJAAN	
PEKERJAAN	
ALAMAT PEJABAT	
NO TEL PEJABAT	
NO FAK PEJABAT	

C. PENGESAHAN

Saya mengakui tidak pernah menjadi **JOHAN, NAIB JOHAN** dan mendapat **TEMPAT KETIGA** bagi Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri Sarawak anjuran MIS dan JAKIM. Saya juga mengakui segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....

(Tandatangan peserta)

.....

Tarikh:

D. KEGUNAAN URUS SETIA

Tarikh terima borang :

No Penyertaan

:

Permohonan diterima / ditolak (sila nyatakan sebab sekiranya ditolak)

.....

SILA KEMBALIKAN BORANG INI
DI PEJABAT JABATAN PENGURUSAN MASJID-MASJID, LAKMNS, ARAS BAWAH MASJID JAMEK NEGERI
SARAWAK, JALAN TUN ABDUL RAHMAN YAAKUB 93050, KUCHING SARAWAK
PADA ATAU SEBELUM JAM 05.00 PETANG 05 JUN 2026 BERSAMAAN 19 ZULHIJAH 1447H.

**PERATURAN DAN PENGHAKIMAN
PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN
SEMPENA FESTIVAL MAAL HIJRAH 1448H / 2026M**

1. KATEGORI PERTANDINGAN

Pertandingan ini dibahagikan kepada **dua (2) kategori** seperti berikut:

- i. Kategori Lelaki (Qari)
- ii. Kategori Perempuan (Qariah)

2. SYARAT PENYERTAAN

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada **warganegara Malaysia yang beragama Islam**.
- ii. Peserta hendaklah berumur antara **13 hingga 17 tahun masehi** pada tarikh pertandingan.
- iii. Penyertaan dihadkan kepada **maksimum sepuluh (10) orang** peserta bagi **setiap kategori**.
- iv. Peserta yang pernah memperoleh **tempat ketiga, Naib Johan atau Johan** dalam Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Daerah, Bahagian dan/atau Negeri anjuran MIS dan JAKIM adalah **tidak layak** menyertai pertandingan ini.
- v. Peserta hendaklah mempunyai keupayaan membaca Al-Quran dengan baik serta mematuhi hukum tajwid.
- vi. Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai **satu (1) kategori sahaja**.
- vii. Peserta wajib mengemukakan salinan kad pengenalan atau dokumen pengesahan umur semasa pendaftaran.
- viii. Penyertaan adalah **terhad untuk 10 orang terawal** sahaja bagi **setiap kategori**.
- ix. Peserta yang telah disahkan penyertaannya tidak boleh diganti tanpa kelulusan pihak penganjur.
- x. Peserta hendaklah menghadiri taklimat pertandingan sekiranya dianjurkan oleh pihak penganjur.
- xi. Peserta diwajibkan memakai pakaian seperti berikut sepanjang pertandingan berlangsung:
 - Baju Melayu Cekak Musang beserta Sampin dan Songkok (Lelaki/Qari)
 - Baju Kurung / Jubah bertudung, Sopan dan tidak menjolok mata (Wanita/Qariah)

- xii. Penggunaan sebarang alat bantuan elektronik seperti telefon bimbit atau peranti audio adalah **tidak dibenarkan** semasa pertandingan.
- xiii. Peserta hendaklah membaca ayat yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan tidak dibenarkan memilih ayat sendiri.
- xiv. Peserta hendaklah mematuhi segala arahan dan ketetapan urus setia sepanjang pertandingan berlangsung.
- xv. Peserta bersetuju bahawa pihak penganjur berhak merakam gambar atau video sepanjang pertandingan untuk tujuan dokumentasi dan promosi.
- xvi. Dengan mengemukakan borang penyertaan, peserta dianggap telah memahami dan bersetuju dengan semua syarat yang ditetapkan.
- xvii. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak memenuhi syarat serta membuat pindaan terhadap peraturan jika perlu bagi memastikan kelancaran pertandingan.

3. FORMAT PERTANDINGAN

- i. Peserta dikehendaki membaca secara **mujawwad** menurut **Riwayat Hafs 'An 'Asim dari Tariq as-Syatibiyah**.
- ii. Setiap peserta akan membaca ayat Al-Quran yang ditetapkan oleh pihak penganjur sesuai cabutan undi.
- iii. Tempoh bacaan yang diperuntukkan adalah **sepuluh (10) minit** bagi setiap peserta.
- iv. Peserta hendaklah membaca empat (4) jenis tarannum.
- v. Lagu pembuka dan lagu penutup hendaklah sama.
- vi. Peserta hendaklah membaca dengan **empat (4) harakat lagu**.
- vii. Peserta hendaklah menyempurnakan sekurang-kurangnya **tiga (3) Tabaqat (tingkatan) suara**.
- viii. Giliran peserta akan ditentukan melalui cabutan undi sebelum pertandingan dimulakan.
- ix. Peserta hendaklah berada di lokasi pertandingan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum giliran.
- x. Peserta hendaklah menjaga adab, disiplin serta penampilan sepanjang pertandingan berlangsung.
- xi. Cabutan undi akan diadakan pada sesi taklimat bersama peserta.
- xii. Sebarang bentuk bantuan luar semasa pertandingan adalah tidak dibenarkan sama sekali.